

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

#### **Penularan COVID-19**

## Selangor tangguh aktiviti di masjid sehingga 31 Mei

**Shah Alam:** Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menitahkan tempoh penangguhan solat Jumaat, solat jemaah dan aktiviti ceramah serta kuliah di semua masjid dan surau negeri itu, dilanjutkan sehingga 31 Mei depan.

Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani, berkata walaupun berat ha-

ti, tatah baginda itu adalah demi kesejahteraan seluruh rakyat Selangor.

"Baginda menzahirkan kebimbangan terhadap 6.5 juta penduduk Selangor yang mungkin terdedah kepada jangkitan wabak ini, sekiranya langkah-langkah pencegahan tidak diambil dengan bersungguh-sungguh.

"Justeru, baginda menitahkan

tempoh penangguhan solat Jumaat, solat secara berjemaah dan aktiviti ceramah dan kuliah di semua masjid, surau dan musolla di Selangor dilanjutkan sehingga 31 Mei depan.

"Namun demikian, jika wabak ini dapat dibendung dan diatas dalam tempoh lebih awal, maka satu arahan baharu akan dikehluarkan," katanya dalam satu ke-

nyataan, semalam.

Sementara itu, Majlis Fatwa Negeri Sabah turut mengumumkan penangguhan aktiviti solat berjemaah dan solat Jumaat di masjid dan surau berikut pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 15 April ini.

Mufti Sabah, Datuk Bungsu @ Aziz Jaafar, berkata pihaknya me-

ngambil keputusan tersebut selepas mempertimbangkan semua aspek.

"Mengambil kira asas syarak dan maqasid syariah, demi keselamatan serta kebaikan umat Islam, majlis memutuskan arahan penangguhan aktiviti solat berjemaah dan solat Jumaat dilanjutkan sehingga 28 April ini," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Penularan COVID-19

# RM153.24 juta zakat diagih seluruh negara tempoh PKP

Jumlah bantuan kepada asnaf akan bertambah ikut keadaan wabak

Oleh Samadi Ahmad  
 bhnews@nsp.com.my

**Putrajaya:** Sebanyak RM153.24 juta zakat sudah diagihkan kepada asnaf di seluruh negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata bantuan zakat itu disalurkan ke institusi zakat seluruh negara bagi membantu asnaf yang terjejas dengan penularan COVID-19.

Jumlah berkenaan katanya, adalah agihan yang dibuat sepanjang tempoh PKP sahaja dan tidak termasuk pelbagai skim bantuan lain.

Jumlah bantuan akan ditambah dari masa ke semasa mengikut keadaan wabak COVID-19 dan tempoh pelaksanaan PKP.

"Terima kasih kepada pembayar zakat, anda semua adalah 'hero' kepada asnaf."

"Sekiranya pihak kita tidak mengadakan dakwah dan seruan kepada berzakat sudah tentu tidak dapat mengumpul sejumlah besar itu, sekali gus dapat menyalurkan bantuan kepada pihak memerlukan," katanya dalam kenyataan menerusi Facebook, semalam.

Setakat ini Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Pusat Pungutan Zakat sudah mengagihkan RM34.41 juta; Zakat Pulau Pinang (RM14.52 juta); Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (RM14.35 juta).



**Bantuan zakat itu disalurkan ke institusi zakat seluruh negara bagi membantu asnaf yang terjejas dengan penularan COVID-19.**

**Zulkifli Mohamad Al-Bakri,**  
 Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

(RM14.35 juta).

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (RM20.2 juta); Lembaga Zakat Selangor (RM15 juta); Majlis Agama Islam Johor (RM7.4 juta); Lembaga Zakat Kedah (RM16.7 juta); Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (RM4.3 juta); Zakat Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka (RM4.26 juta).

Tabung Baitulmal Sarawak pun sudah mengagihkan RM6 juta; Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Agama Islam Sabah (RM6 juta) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (RM3.98 juta).

## Agihan zakat bantuan COVID-19

Peruntukan khas yang telah diagih institusi mengurus zakat negeri seluruh Malaysia bagi membantu asnaf yang terjejas sepanjang PKP COVID-19

MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN & PUSAT PUNGUTAN ZAKAT	RM34.41 JUTA	MAJLIS AGAMA ISLAM JOHOR	RM7.4 JUTA
ZAKAT PULAU PINANG	RM14.52 JUTA	ZAKAT NEGERI KEDAH	RM16.7 JUTA
MAJLIS AGAMA ISLAM & ADAT RESAM MELAYU PAHANG & PUSAT KUTIPAN ZAKAT PAHANG	RM12.12 JUTA	PERBADANAN BAITULMAL NEGERI SEMBILAN MAINS	RM4.3 JUTA
MAJLIS AGAMA ISLAM KELANTAN	RM12.6 JUTA	ZAKAT MELAKA & MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA	RM4.26 JUTA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK	RM14.35 JUTA	TABUNG BAITULMAL SARAWAK	RM6 JUTA
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU	RM20.2 JUTA	BAHAGIAN ZAKAT & FITRAH MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH	RM6 JUTA
LEMBAGA ZAKAT SELANGOR	RM15 JUTA	MAJLIS AGAMA ISLAM & ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS	RM3.98 JUTA

Grafik III

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

### **Penularan COVID-19**

# **KKM kesan 25 kluster, subkluster dijangkiti virus**

**Kementerian terus aktif jalankan pengesanan, saringan**

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 25 kluster dan subkluster individu yang dijangkiti COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata perhimpunan jemaah tabligh di Masjid Seri Petaling kekal sebagai kluster terbesar mewakili 40 peratus daripada keseluruhan pesakit yang disahkan positif wabak berkenaan.

"Kluster lain kita sudah umumkan, tetapi masih ada kluster kecil yang kita belum umum.

"Oleh itu, kita jalankan pengesanan dan ujian saringan secara aktif, selain memberikan rawatan terbaik kepada setiap kluster," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Menerusi perangkaan semasa, Dr Noor Hisham mengesahkan jumlah kes sporadik COVID-19 kekal 69 kes sejak survei dilaksanakan pada Januari lalu.

Katanya, punca jangkitan semua kes sporadik itu tidak dapat dikesan, manakala penelitian lanjut mendapati ia tiada sejarah perjalanan ke luar negara atau pergaularan dengan individu berisiko tinggi.

Kelman, KKM mengenal pasti empat subkluster jangkitan COVID-19 membabitkan beberapa madrasah dan sekolah tahfiz susulan perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling.

Dr Noor Hisham dilaporkan berkata, tindakan proaktif mengenai pasti subkluster berkenaan adalah bagi membantu pengesan kontak rapat kepada kes indeks perhimpunan itu.

Masjid Seri Petaling di sini mengadakan ijtima tabligh pada 27 Februari hingga 1 Mac lalu yang dihadiri kira-kira 12,500 jemaah.

Subkluster berkenaan membabitkan madrasah di Jerantut, Pahang; Penanti, Pulau Pinang; Sungai Lui, Selangor dan

Jasin, Melaka.

Dalam perkembangan lain, Dr Noor Hisham menyanggah laporan COVID-19 mempunyai impak sama seperti HIV yang merencatkan sistem pertahanan badan dan tindak balas terhadap jangkitan antigen.

Beliau menjelaskan, wujud tujuh jenis koronavirus yang menjangkiti manusia dan terkenal sebelum ini seperti Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) serta Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV).

"COVID-19 ialah virus baharu membabitkan dua peringkat jangkitan. Ia tidak sama dengan HIV/AIDS kerana bagi COVID-19, peringkat pertama adalah jangkitan dan peringkat kedua ialah inflamasi atau keradangan.

"Kita cuba elakkan jangkitan masuk ke dalam rongga paru-paru dan sebagainya sebab virus itu akan masuk dalam sel dan mengakibatkan keradangan.

"Apabila berlaku keradangan, ini yang boleh membawa maut," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, dua subkluster saling berkanan bagi jangkitan COVID-19

dikenal pasti di Kuantan.

Dr Noor Hisham berkata, ia adalah hasil aktiviti tertumpu dijalankan kementerian melalui pengesanan, penyaringan dan ujian ke atas kumpulan sasar berisiko tinggi

Katanya, kluster individu dalam pemantauan (PUI) Bali di Kuantan itu membabitkan golongan pesakit dan beberapa anggota kesihatan dari sebuah pusat perubatan di Kuantan.

"Sehingga 13 April, sebanyak 20 orang sudah dikenal pasti dalam kluster ini iaitu 14 orang sedang dirawat di wad Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan, dua orang sudah sembuh, tiga dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan seorang meninggal dunia (kes ke-1,575).

"Daripada semua jumlah itu, terdapat tiga anggota kesihatan yang terbabit dalam kluster ini," katanya.

Beliau berkata, kes indeks (kes ke-4,684) bagi kluster itu mempunyai sejarah perjalanan ke Bali, Indonesia dan kemudian mempunyai kontak rapat dengan kes ke-1,575 iaitu abang kepada kes indeks.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Persatuan sokong larangan operasi kedai gunting

Khidmat undang risiko jangkitan wabak terhadap pekerja, pelanggan

**Kuala Lumpur:** Keputusan kerajaan melarang perkhidmatan gunting rambut beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disokong pengusaha dan persatuan industri itu sendiri.

Pengerusi Persatuan Pengusaha Jurugaya Rambut India Malaysia (MINDAS), Dr V Magendran, berkata khidmat itu mengundang risiko dan bahaya jangkitan COVID-19 terhadap pekerja dan pelanggan.

“Kami bimbang dan rasa tidak selamat jika kedai dibuka ketika PKP berikutkan jangkitan boleh berlaku dengan mudah melalui penggunaan peralatan seperti gunting dan sikat, mesin pemotong rambut.

“Anggaran masa 15 minit bagi khidmat potong rambut setiap pelanggan mengundang risiko, selain kedudukan pekerja juga dekat dengan pelanggan.

“Pekerja tidak boleh gunting rambut tanpa sentuh kepala pelanggan. Walaupun langkah keselamatan diambil seperti kerap cuci tangan dengan sabun atau pembasmi kuman, memakai sarung tangan dan penutup muka, ia belum menjamin keselamatan,” katanya kepada BH, semalam.

Terdahulu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Is-



**Deretan kedai gunting rambut di sekitar Pantai Dalam tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP.**

(Foto BERNAMA)

mail Sabri Yaakob, mengumumkan keputusan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, memutuskan kedai gunting rambut, salun kecantikan dan kedai cermin mata di seluruh negara tidak dibenar beroperasi sepanjang tempoh PKP, sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19 dan memutuskan rantai jangkitan di negara ini.

Magendran berkata, pengusaha kedai gunting memohon kerajaan membantu mereka menanggung sebahagian kerugian dialami kerana terpaksa menutup operasi, seperti dari segi kos sewa kedai dan bayaran gaji pekerja.

“Sejumlah 3,500 kedai gunting

di seluruh negara bernaung di bawah MINDAS dengan 650 pekerja tempatan dan 9,850 pekerja warga asing. Jika kerajaan dapat membantu meringankan sekurang-kurangnya 50 peratus kerugian dari segi kewangan kami, itu sudah mencukupi,” katanya.

Timbalan Pengerusi Persatuan Jurugaya Rambut India Selangor dan Wilayah Persekutuan, A Akilan, turut mengharapkan bantuan sama untuk menanggung kerugian dialami akibat pelaksanaan PKP ini.

“Persatuan akan menasihati ahli untuk menyediakan ciri keselamatan lebih baik apabila Majlis Keselamatan Negara (MKN) membenarkan kami beroperasi semula sebaik PKP tamat,” katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# Jumlah ditahan ingkar PKP naik 20.6 peratus

**Kuala Lumpur:** Jumlah individu yang ditangkap kerana ingkar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terus mencatat peningkatan pada kadar 20.6 peratus.

Kadar penahanan individu menerusi sekatan jalan raya dan rondaan oleh pihak berkuasa itu melonjak kepada 1,471 orang kelmarin, berbanding 1,220 orang Sabtu lalu.

Kompaun RM1,000 kerana ingkar PKP juga meningkat dengan membabitkan 949 individu kelmarin, berbanding 854 individu sehari sebelumnya.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, menjelaskan peningkatan jumlah tangkapan mencerminkan Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak berkompromi dengan mana-mana individu yang mengingkari PKP.

"Seramai 503 individu turut direman dan 19 yang lain dijamin polis, manakala 51 orang dituduh di mahkamah semalam (kelmarin) berikutan kesalahan mengingkari PKP," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri Mengenai PKP, di Putrajaya, semalam.

Mengemukakan laporan semasa, Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan berkata PDRM dan ATM kelmarin, mengadakan 784 sekatan jalan raya di seluruh negara, selain melakukan pemeriksaan terhadap 358,593 kendaraan.

Selain itu, katanya, pihak berkuasa melaksanakan 35,825 pemeriksaan mengejut meliputi 5,275 premis di seluruh negara.

Menyentuh perkembangan usaha nyah cemar, beliau berkata, sebanyak 1,527 operasi dijalankan di 89 zon, termasuk 26 zon merah.

"Antara kawasan yang dinyah cemar merangkumi 1,062 bangunan kerajaan, 638 tempat awam, 675 pusat perniagaan dan 124 pasar raya," katanya.

Ismail Sabri berkata, sembilan kawasan guna sama skim strata kos rendah dan sederhana rendah di zon merah di Selangor menjalani operasi nyah cemar, kelmarin.

Sementara itu, tinjauan BER-NAMA ketika mengikuti operasi PKP di sekitar Bandaraya Seremban mendapati pematuhan orang ramai rendah apabila masih banyak kenderaan dilihat berada di jalan raya.

Operasi itu bertujuan meminimumkan orang awam dari berlebaran tanpa sebarang tujuan yang penting serta menghalang penularan COVID-19.

Di Sibu, Pengurus Majlis Perbandaran Sibu, Clarence Ting bimbang kerana tinjauan di beberapa bank di Jalan Kampung Datu serta Jalan Tuanku Osman mendapati keadaan sesak susulan orang ramai datang untuk memeriksa sama ada pembayaran Bantuan Prihatin Nasional (BPN) sudah dimasukkan ke dalam akaun mereka atau tidak.

"Kawasan pejalan kaki bangunan bank sesak dengan sekurang-kurangnya 50 orang dengan sedikit atau tiada langsung penjarakan sosial," katanya menerusi Facebook.

*“Seramai 503 individu turut direman dan 19 yang lain dijamin polis, manakala 51 orang dituduh di mahkamah semalam (kelmarin) berikutan kesalahan mengingkari PKP.”*

*Ismail Sabri Yaakob,  
 Menteri Kanan  
 (Keselamatan)*

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

PANGSAPURI PKNS  
Kampung Baru sepl.



## 707 penghuni panggupuri jalani saringan

**Kuala Lumpur:** Seramai 707 penduduk Panggupuri Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Kampung Baru, sudah menjalani saringan COVID-19, kelmarin.

Proses saringan itu dijalankan kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bermula jam 9 pagi.

Pengerusi Perbadanan Pengurusan Menara Kampung Baru, Fauzi Abdullah berkata, saringan yang dijalankan semalam adalah kali kedua bagi mengesan penduduk yang positif COVID-19.

Menurutnya, sejak 4 April lalu, panggupuri 17 tingkat itu sudah dihadkan pergerakan keluar masuk penduduk dengan dipantau Polis Diraja Malaysia (PDRM). Katanya, penduduk masih dibenarkan untuk membeli barang keperluan harian namun pergerakan keluar masuk perlu direkaikan polis untuk



PETUGAS KKM membuat pemeriksaan saringan untuk mencegah penularan jangkitan Covid-19.

tujuan pemantauan.

"Setakat ini penduduk beri kerjasama yang baik untuk saringan yang dijalankan kali kedua."

"Dalam saringan pertama pada 2 April lalu hanya 201 penduduk disaring dan jumlah itu meningkat kelmarin," katanya kepada Harian Metro, semalam.

Tinjauan Harian Metro di panggupuri berkenaan mendapati aktiviti harian kedai runcit masih berjalan seperti biasa namun pergerakan keluar masuk berkurangan.

Penduduk juga menggunakan perkhidmatan penghantar pesanan untuk membeli makanan dan barang.

Fauzi berkata, persatuan penduduk juga terus memberikan maklumat terkini sebarang perkembangan lanjut menerusi kumpulan

WhatsApp komuniti panggupuri berkenaan.

Katanya, setakat ini penduduk memberi kerjasama yang baik untuk menjalani proses saringan yang dikenalpasti oleh KKM.

Seorang penduduk yang ditemui memaklumkan mereka tidak mempunyai masalah mendapatkan keperluan harian kerana masih dibenarkan pihak berkuasa.

"Saya harap keadaan kembali pulih seperti biasa walaupun ada satu kematian akibat COVID-19 dicatatkan di panggupuri ini," katanya.

Kelmarin Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah mengesahkan KKM sedang menjalankan pengesahan kes aktif di panggupuri berkenaan susulan satu kematian di lokasi berkenaan.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



## Salur RM153.24j bantuan zakat sepanjang PKP

**Putrajaya:** Kira-kira RM153.24 juta bantuan zakat sudah disalurkan kepada asnaf seluruh negara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata, bantuan zakat itu disalurkan ke seluruh negara bagi membantu asnaf yang terkesan dengan penularan wabak Covid-19.

Menurutnya, peruntukan zakat itu diberikan kepada institusi zakat negeri ma-

sing-masing untuk diagihkan kepada golongan berkenaan.

Katanya, ia adalah agihan sepanjang tempoh PKP dan tidak termasuk dalam skim bantuan lain.

"Jumlah bantuan itu akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut kepada kesan wabak Covid-19 dan tempoh PKP sekiranya dilanjutkan ke fasa seterusnya.

"Terima kasih kepada pembayar zakat, anda semua adalah hero kepada asnaf.

"Sekiranya pihak kita tidak mengadakan dakwah dan seruan kepentingan berzakat sudah tentu tidak dapat me-

ngumpul sejumlah besar itu, sekali gus dapat menyalurkan bantuan kepada pihak memerlukan," katanya melalui kenyataan yang dimuat naik di Facebook miliknya, semalam.

Setakat ini, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Pusat Pungutan Zakat sudah pun mengagihkan sebanyak RM34.41 juta; Zakat Pulau Pinang (RM14.52 juta); Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Panjang serta Pusat Melayu Panjang serta Pusat Pungutan Zakat Panjang (RM12.2 juta); Majlis Agama Islam Kelantan (RM12.6 juta); Majlis Agama Islam dan Adat

Melayu Perak (RM14.35 juta); Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (RM20.2 juta); Lembaga Zakat Selangor (RM15 juta); Majlis Agama Islam Johor (RM7.4 juta); Lembaga Zakat Kedah (RM16.7 juta); Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (RM4.3 juta); Zakat Melaka dan Majlis Agama Islam Melaka (RM4.26 juta); Tabung Baitulmal Sarawak (RM6 juta); Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Agama Islam Sabah (RM6 juta) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (RM3.98 juta).

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



Oleh Ruwaida Md Zain  
 am@hmetro.com.my

#### Shah Alam

**S**ultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan tempoh penangguhan solat Jumaat, solat secara berjemaah, aktiviti ceramah dan kuliah di semua masjid, surau serta musolla di Selangor dilanjutkan sehingga 31 Mei depan.


Setiausaha Sulit kepada Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani berkata, walaupun dengan berat hati, titah baginda itu demi kesejahteraan rakyat di Selangor.

"Baginda menzahirkan kebimbangan terhadap 6.5 juta penduduk Selangor yang mungkin akan terdedah kepada jangkitan wabak ini sekiranya langkah pencegahan tidak diambil dengan bersungguh-sungguh."

Justeru, baginda menitahkan supaya tempoh penangguhan solat Jumaat, solat secara berjemaah, aktiviti ceramah dan kuliah di semua masjid, surau serta musolla di Selangor

# Lanjut tempoh

*Sultan Selangor titah penangguhan solat Jumaat di Selangor disambung hingga 31 Mei*



SEMUA masjid, surau dan musolla di Selangor tunda solat berjemaah sehingga 31 Mei depan.

dilanjutkan sehingga 31 Mei depan.

"Namun demikian, sekiranya wabak ini dapat dibendung dan diatasi dalam satu tempoh yang lebih awal maka satu arahan baharu akan dikeluarkan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Mohamad Munir berkata, Sultan Sharafuddin juga bertitah agar solat Jumaat hendaklah digantikan dengan solat Zuhur dan solat

fardu serta solat sunat Tarawih pada Ramadan tahun ini hendaklah dilakukan di rumah masing-masing.

"Setiap rakyat perlulah lebih serius dalam usaha mencegah jangkitan wabak ini dengan duduk di rumah, menjaga kebersihan diri dan kesihatan serta mengamalkan penjarakan sosial.

"Patuhi peraturan dan arahan kerajaan serta ikuti garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh Kementer-

rian Kesihatan.

"Baginda menegaskan adalah sangat penting supaya semua perkara itu dipatuhi bagi mengelakkan rakyat berhimpun atau berkumpul yang boleh meningkatkan risiko jangkitan Covid-19," katanya.

Beliau berkata, baginda juga dalam titahnya berharap tidak ada lagi rakyat negeri ini yang akan dijangkiti dan meninggal dunia akibat wabak berkenaan.

14 Apr 2020

Harian Metro, Malaysia

Author: Raja Noraina Raja Rahi • Section: Setempat • Audience : 112,705 • Page: 1TO3  
Printed Size: 1147.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color  
ASR: MYR 45,184.85 • Item ID: MY0039377641

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3

## TITAH SULTAN SELANGOR SOLAT BERJEMAAH DI MASJID DITANGGUH HINGGA HUJUNG MEI

KEDAI GUNTING RAMBUT,  
KEDAI CERMIN MATA DILARANG BUKA  
949 INDIVIDU INGKAR PKP  
DIDENDA RM1,000

PLENTONG, ULU BENUT  
JADI ZON MERAH

PENUNTUT IPT DIMINTA KEKAL  
DILOKASI MASING-MASING

MS2,3,4,5,6,7,8,9,10,11&13



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3

Oleh Raja Noraina Raja Rahim  
 rnoraina@hmetro.com.my

#### Kuala Lumpur

Seramai 1,471 individu yang ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditahan Polis Diraja Malaysia (PDRM), termasuk 949 individu dikenakan kompaun RM1,000.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, selain itu, 503 individu direman dan 19 individu dibebaskan dengan jaminan polis.

Beliau berkata, jumlah tangkapan kumulatif ingkar PKP dari 18 Mac hingga semalam adalah seramai 8,647 individu dengan 3,105 kompaun dikeluarkan.

"Semalam PDRM bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengadakan 784 sekitaran jalan raya di seluruh negara dan memeriksa 358,593 kenderaan.

"Sebanyak 35,825 pemeriksaan mengejut diadakan di seluruh negara dengan 5,275 premis diperiksa," katanya pada sidang media selepas mesyuarat khas menteri-menteri berkenaan pelaksanaan PKP di Putrajaya, semalam.

# 1,471 INGKAR PKP

*949 individu dikenakan kompaun RM1,000*

Dalam perkembangan berkaitan, Ismail Sabri berkata, kerajaan sentiasa mengawasi pintu masuk sempadan terutama jalan tikus yang digunakan oleh pendatang asing tanpa izin (Pati) untuk masuk ke negara ini.

Selain itu, katanya, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Pengurusan Maritim Malaysia (APMM) juga mengawasi kawasan perairan negara bagi mencegah pencerobohan bot nelayan asing melalui tindakan tegas termasuk menghalang serta mengusir mereka.



ANGGOTA bomba melakukan proses disinfeksi di kawasan lokap polis yang dikosongkan sebagai langkah membanteras penularan Covid-19 di sekitar kawasan Ampang.



14 Apr 2020

Harian Metro, Malaysia

Author: Raja Noraina Raja Rahi • Section: Setempat • Audience : 112,705 • Page: 1TO3

Printed Size: 1147.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color

ASR: MYR 45,184.85 • Item ID: MY0039377641

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Pasang stesen 5G di 2 pusat kuarantin

**Kuala Lumpur:** Telekom Malaysia Berhad (TM) memasang stesen pemancar 5G di dua pusat kuarantin bagi kes Covid-19 iaitu di *Malaysia Agro Exposition Park* (MAEPS), Serdang dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia, Sungai Buloh, Selangor.

Pemasangan stesen pemancar 5G itu membolehkan pasukan bariisan hadapan, perubatan serta pesakit yang dimasukkan ke pusat kemudahan terbabit menikmati perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang dipertingkatkan menerusi sambungan 5G.

Kedua-dua pusat kuarantin itu sudah diperuntukkan sebanyak 50 unit terminal Akses Wayarles Tetap 5G secara percuma yang memberikan sambungan WiFi sehingga 500Mbps kepada penggu-

na dan semua penggunaan WiFi menerusi rangkaian 5G itu juga adalah percuma.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Datuk Noor Kamarul Anuar Nuruuddin berkata, TM berbesar hati diberi peluang oleh kerajaan untuk melaksanakan pemasangan stesen pemancar 5G di dua pusat kuarantin itu.

"Selain lanjutan kepada 5GDP baru-baru ini, inisiatif ini sebahagian daripada usaha tanggungjawab korporat kami dalam membantu kerajaan ke arah membendung penularan pandemik Covid-19," katanya.

Menurutnya, TM mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) atas kepercayaan dan bantuan sepanjang proses itu.

**Inisiatif ini sebahagian daripada usaha tanggungjawab korporat kami**

Noor Kamarul Anuar



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Penangguhan solat fardu berjemaah di Selangor dilanjut

**SHAH ALAM** - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memperkenankan tempoh penangguhan solat Jumaat, berjemaah dan aktiviti ceramah serta kuliah di semua masjid, surau dan musala di negeri ini dilanjutkan sehingga 31 Mei depan.

Setiausaha Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani berkata, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat khas atas titah baginda bersama Maj-

lis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi mendapatkan maklum balas terkini berhubung ancaman wabak koronavirus (Covid-19) di negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya wabak itu dapat dibendung dan diatasi dalam satu tempoh yang lebih awal maka satu arahan baharu akan dikeluarkan.

"Melihat kepada perkembangan semasa statistik kes jangkitan Covid-19 di negeri ini, baginda menzahirkan kebimbangan terhadap 6.5 juta penduduk yang mungkin terdedah kepada jangkitan wabak itu sekeranya langkah-langkah pentegangan tidak diambil dengan bersungguh-sungguh."

"Baginda berharap tiada lagi rakyat Selangor yang dijangkiti dan meninggal dunia akibat Co-

vid-19," katanya dalam satu kenyataan media yang dimuat naik menerusi Facebook Selangor Royal Office semalam.

Mohamad Munir berkata, baginda bertitah supaya langkah-langkah lain juga dilakukan untuk kesejahteraan rakyat Selangor.

"Solat Jumaat hendaklah di-gantikan dengan solat Zuhur dan solat fardu serta solat sunat tarawih tahun ini dilakukan di rumah masing-masing," katanya.



Kenyataan menerusi status di Facebook Selangor Royal Office.



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



DR MOHAMMAD REDZUAN

Bagi memudahkan penuntut sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan

Wawancara Oleh  
NIK NABILAH NIH AZIMAN

**Baru-baru ini kita ditimpa dengan ujian yang melanda dunia iaitu penularan wabak Covid-19. Bagaimana Datuk melihat peranan yang dimainkan UNISEL bagi mengatasi masalah kemasukan penuntut baru?**

**DR MOHAMMAD REDZUAN:** Penularan wabak Covid-19 sedikit sebanyak merencahkan pendaftaran penuntut baharu bagi sesi April 2020. Umumnya, masyarakat sudah mengetahui bahawa negara kita sedang berada dalam fasa yang lebih serius bagi mengekang penularan Covid-19. Ia dapat dilihat merentas PKP yang kini memasuki fasa ketiga. Bagaimanapun, UNISEL mengambil beberapa langkah proaktif bagi memastikan penuntut dapat melanjutkan pelajaran mereka pada semester baharu iaitu kemasukan April 2020.

Pihak universiti kini giat menghubungkan setiap penuntut yang berhasrat untuk memasuki UNISEL melalui panggilan telefon, e-mel dan WhatsApp. Langkah ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa universiti akan beroperasi sebagaimana yang telah dijadualkan. Pihak UNISEL juga akan memastikan setiap langkah keselamatan bagi mengekang penularan wabak ini akan dipatuhi. Alhamdulillah, sehingga hari ini semua saringan kesihatan yang melibatkan staf UNISEL berkeputusan negatif. Oleh itu, boleh dikatakan setakat ini UNISEL bebas daripada penularan wabak Covid-19.

Selain itu, langkah-langkah lain turut diambil oleh pihak universiti bagi memberi kemudahan kepada penuntut baharu seperti melanjutkan

tempoh pendaftaran dari 15 hingga 25 April 2020. Pendaftaran akan dilakukan secara dalam talian.

Di sini, saya ingin memberi jaminan bahawa penuntut baharu dan penuntut sedia ada tidak perlu khawatir kerana UNISEL sentiasa memastikan keadaan keselamatan diutamakan dan sentiasa dalam keadaan terkawal.

Di UNISEL juga, kita sememangnya mengambil berat terhadap semua perkara yang berkaitan dengan kebijakan penuntut termasuklah kebijakan penuntut antarabangsa sepanjang tempoh PKP.

**Apakah alternatif bagi kaedah pembelajaran yang dilakukan oleh pihak UNISEL untuk penuntut sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan?**

**DR MOHAMMAD REDZUAN:** Tempoh PKP dijamin tidak akan menjaskan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kerana pihak pentadbiran universiti telah menyediakan beberapa platform yang lebih fleksibel untuk penuntut dan pensyarah berinteraksi bagi membolehkan kuliah disampaikan dengan lebih berkesan.

Bermula pada 6 April hingga 22 Mei 2020, kuliah akan disampaikan secara dalam talian menerusi sistem e-Learning. Menerusi cara ini, kita dapat memastikan pendidikan penuntut tidak terabai. Maklum balas yang diperoleh sejak ia dilaksanakan menunjukkan PdP berjalan lancar dan sambutan yang amat menggalakkan dalam kalangan penuntut. Melalui beberapa penambahbaikan yang sedang dilakukan, pembelajaran yang digunakan semasa pengukuhanan PKP dilihat mampu memberikan alternatif yang baik kepada penuntut bagi mengelak masa terbuang.

**UNISEL merupakan sebuah institusi pengajian yang menawarkan yuran pengajian terendah. Boleh Datuk berikan sedikit komen?**

**DR MOHAMMAD REDZUAN:** Umum mengetahui UNISEL merupakan sebuah universiti yang sudah bertapak selama lebih 20 tahun di Malaysia. UNISEL juga merupakan institusi pendidikan yang bukan sahaja menjadi pilihan penuntut dari Selangor, malah kita turut

# UNISEL tawar kaedah pengajian fleksibel

Dunia kini sedang dilanda penularan wabak penyakit coronavirus (Covid-19) dan Malaysia merupakan antara negara yang turut terjejas. Ia dapat dilihat apabila beberapa perkhidmatan termasuklah pendidikan tidak dapat berjalan mengikut jadual susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac hingga 28 April 2020.

Ikuti temu bual eksklusif bersama Presiden dan Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL), Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman mengenai langkah-langkah yang diambil oleh universiti tersebut bagi mengekang penularan Covid-19 serta tawaran kaedah pengajian bagi penuntut UNISEL sepanjang tempoh PKP.

menerima penuntut dari negeri-negeri lain termasuklah Sabah dan Sarawak.

Selain menawarkan pengajian per-cuma pada peringkat asas, UNISEL turut menawarkan yuran pengajian terendah pada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda mahupun pascasiswazah.

Bagi peringkat Diploma, UNISEL menawarkan yuran pengajian di bawah RM20,000 manakala bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda pula kita menawarkan yuran di bawah RM40,000.

Dari segi kewangan, ibu bapa tidak perlu risau kerana penuntut boleh memohon pelbagai biasiswa seperti Biasiswa Kerajaan Negeri, Biasiswa Karangkraf dan pinjaman pendidikan, antaranya Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Kelebihannya di UNISEL, penuntut boleh menggunakan 100 peratus pinjaman PTPTN kerana yuran pengajian yang amat rendah berbanding institusi pengajian tinggi lain.

Lebih menarik, walaupun UNISEL menawarkan yuran pengajian yang rendah tetapi ibu bapa dan penuntut tidak perlu khawatir kerana UNISEL tidak sekali mengabaikan kualiti pendidikan. Ini kerana UNISEL menyediakan tenaga pengajar mahir yang mempunyai kelekapan dalam bidang masing-masing. Malah, kesemua program yang ditawarkan mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan sudah tentunya semuanya program di UNISEL mendapat kelulusan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

**Apakah kelebihan penuntut yang melanjutkan pengajian di UNISEL? Boleh Datuk terangkan dari segi fasiliti dan kemudahan yang ada?**

**DR MOHAMMAD REDZUAN:** UNISEL menyediakan prasarana dan kelengkapan pembelajaran yang lengkap. Dengan keluasan seluas 400 hektar di kampus Bestari Jaya, kita menyediakan ruang pembelajaran yang efektif dari segi bilik kuliah, bilik penginapan, kemudahan seperti masjid, perpustakaan, kompleks sukan dan sebagainya.

Penuntut yang belajar di kampus Bestari Jaya tidak perlu khawatir mencari tempat penginapan sepanjang tempoh pengajian kerana UNISEL memiliki

sebanyak 44 blok asrama dengan yuran penginapan yang secara relatifnya rendah. Oleh itu, penuntut boleh menjalani kehidupan kampus sama seperti mereka yang berada di universiti awam.

Sehingga kini UNISEL telah berjaya melahirkan lebih 30,000 orang graduan. Graduan UNISEL kini berada di pelosok negara menabur jasa hasil daripada ilmu yang ditimba ketika menuntut di UNISEL. Jadi, kami amat mengalu-alukan anda di luar sana untuk bersama-sama menjadi sebahagian daripada warga UNISEL.

**Apakah harapan dan aspirasi Datuk dalam transformasi yang digarap sepanjang menerajui UNISEL?**

**DR MOHAMMAD REDZUAN:** Alhamdulillah, UNISEL kini berjaya meraih pelbagai kejayaan dan sudah pasti besar harapan saya agar UNISEL terus terkehadapan dalam membudayakan lagi kualiti kerja sama ada dari segi pentadbiran, penyelidikan mahupun pendidikan. UNISEL akan meneruskan kesinambungan kerjasama dengan pihak luar termasuk pihak industri dan kunjungan hormat kepada pimpinan politik sehinggalah pemimpin masyarakat.

UNISEL berharap agar penularan wabak Covid-19 akan dapat diatasi segera kerana sebelum pengukuhanan PKP, UNISEL telah menjalankan beberapa usaha pemasaran bagi mendapatkan penuntut antarabangsa.

UNISEL ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jabatan Pengajian Tinggi dan Kementerian Dalam Negeri kerana telah meluluskan lesen bagi membolehkan UNISEL menerima penuntut antarabangsa.

Saya juga yakin dengan transformasi infrastruktur, akademik dan sumber manusia yang dilakukan sejak empat tahun yang lalu berjaya mengangkat UNISEL untuk berdiri dengan imej yang tersendiri. Kepada penuntut yang beminat melanjutkan pengajian di UNISEL, anda boleh mendaftar di laman sesawang rasmi [www.unisel.edu.my](http://www.unisel.edu.my).



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Kerajaan putuskan semua penganjuran bazar Ramadan seluruh negara dibatalkan

**PUTRAJAYA** - Semua bentuk bazar Ramadan di seluruh negara tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, langkah itu adalah untuk memastikan usaha memutuskan rantaian wabak koronavirus (Covid-19) tidak terjejas.

"Kerajaan sentiasa men-

dengar dan mengambil kira pandangan rakyat termasuk pakar dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Sehubungan itu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin membuat keputusan bahawa sebarang bentuk bazar Ramadan di seluruh negara tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP ini," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menteri-

menteri Mengenai PKP di Pejabat Perdana Menteri di sini semalam.

Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian bagi menjawab persoalan orang ramai berhubung kebenaran operasi bazar Ramadan dalam tempoh PKP yang dilanjutkan untuk fasa ketiga mulai 15 hingga 28 April ini.

Sebelum ini, beberapa negeri iaitu Kelantan, Tereng-

ganu, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sudah membuat pengumuman awal bahawa tiada bazar Ramadan dianjurkan di negeri masing-masing tahun ini.

Bagaimanapun, ada beberapa pihak mencadangkan bazar Ramadan secara atas talian diwujudkan sebagai alternatif.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Yadim salur RM50,000 bantu barisan hadapan

**SHAH ALAM** - Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) menyalurkan sumbangan berjumlah RM50,000 kepada Tabung Bantuan Frontliners Covid-19 *Sinar Harian* (CovidSinar) bagi membantu petugas kesihatan dalam memerangi penularan wabak koronavirus (Covid-19) di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tuan Kamarul Arief Tuan Soh berkata, Yadim membuat keputusan untuk melakukan kerjasama bersama Tabung CovidSinar itu kerana ia mempunyai matlamat yang sama bagi membantu petugas barisan hadapan (*frontliners*).

Menurutnya, *frontliners* merupakan kumpulan yang perlu diberikan perhatian kerana menjadi nadi dalam memper-



**F**PPE sangat diperlukan oleh frontliners khususnya di seluruh negara dalam menghadapi kes-kes Covid-19 yang semakin bertambah.”

- Tuan Kamarul Arief

tahankan rakyat Malaysia daripada mu-sibah Covid-19.

“Kita tahu di seluruh negara *frontliners* bertungkus lumus dan mempertaruhkan nyawa mereka untuk memastikan masyarakat di negara kita selamat dan terkawal.

“Jadi untuk menyantuni kumpulan-kumpulan ini, Yadim dan *Sinar Harian*

melalui Tabung CovidSinar adalah antara pasukan yang terawal dalam menyalurkan sumbangan kepada golongan tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan replika cek sumbangan berjumlah RM50,000 kepada Penyelaras Tabung CovidSinar, Azizani Fikry di Pusat Operasi dan Pengumpulan Tabung CovidSinar di Bangunan Kumpulan Karangkraf di sini semalam.

Mengulas lanjut, Tuan Kamarul Arief melahirkan keyakinan bahawa kerjasama itu akan memanfaatkan lebih ramai lagi *frontliners*.

Katanya, untuk fasa pertama, bantuan sebanyak RM50,000 itu akan digunakan bagi membeli 1,000 pasang peralatan pelindungan diri (PPE) yang akan digunakan oleh petugas kesihatan.

“PPE sangat diperlukan oleh *frontliners* khususnya di seluruh negara dalam menghadapi kes-kes Covid-19 yang se-

makin bertambah.

“Malah bantuan ini juga datangnya daripada rakyat Malaysia sendiri yang menyalurkan sumbangan kepada Yadim dan ada dalam kalangan mereka mahu sumbangan itu digunakan untuk membeli PPE bagi memastikan keselamatan petugas kesihatan yang mengendalikan kes-kes Covid-19,” katanya.

Tuan Kamarul Arief turut memaklumkan pihaknya menerusi program Musa’adah Covid-19 Yadim telah memasuki fasa kedua dalam menyalurkan bantuan kepada *frontliners*, keluarga jemaah tabligh yang positif Covid-19, pelajar universiti dan golongan asnaf B40.

Katanya, pada fasa pertama bantuan banyak tertumpu di sekitar Lembah Klang dan Selangor dan pada fasa kedua bermula minggu hadapan, ia akan diajukan kepada penerima yang berada di Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# SMK Meru bantu pelajar susah

Lancar Misi Bantuan Anak-anak B40 Covid 19 agih barang keperluan asas

Oleh SARINA MOHD SOM

**S**ekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meru, Klang, Selangor melancarkan Misi Bantuan Anak-anak B40 Covid 19 bagi mengurangkan beban kewangan keluarga pelajar kurang kemampuan.

Pengetua Cemerlang SMK Meru Klang, Siti Dinar Hamid berkata, sumbangan itu hasil kutipan daripada kalangan guru, orang ramai dan tabung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

"Inisiatif ini bermula apabila sekumpulan guru sekolah itu memulakan kutipan peribadi pada 26 Mac lalu selain sumbangan tabung PIBG sebanyak RM5,000.

"Setiap sumbangan akan digunakan untuk membeli barang-an asas seperti beras, susu, minyak, gula dan sebagainya. Bagi setiap keluarga akan menerima bantuan bernilai antara RM50 hingga RM70," katanya.

Menurut beliau, ramai pelajar sekolah itu tergolong dalam kategori B40 disebabkan ibu bapa bekerja mengikut gaji harian.

SITI DINAR



Nor Fazrin (kiri) bersama Yang Dipertua PIBG, Zakaria Ishat menyediakan barang untuk disumbangkan kepada keluarga pelajar B40 SMK Meru.

"Dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini pastinya ramai yang tidak dapat mencari rezeki dan apa yang kami bimbangkan mereka terputus bekalan makanan.

"Hati mana yang tak tersentuh. Kita boleh makan dan masak sedap-sedap untuk anak-anak di rumah, bagaimana pula pelajar saya yang miskin dan kurang mampu itu?" katanya.

Beliau yang baharu ditukarkan ke sekolah itu berkata, setakat ini hampir 100 keluarga tampil memberi maklumat peribadi mereka bagi memudahkan pi-

hak sekolah mengagihkan bantuan.

"Saya turut arahkan semua guru kelas membuat tinjauan dalam grup WhatsApp agar pelajar yang kurang mampu boleh terus memberi maklumat kepada guru kelas masing-masing.

"Saya percaya sebenarnya masih ramai lagi pelajar yang memerlukan bantuan, cuma mereka malu untuk tampil," katanya.

Bagi sesiapa yang ingin menghulurkan sumbangan, bolehlah berbuat demikian melalui akaun RHB 2-62296-100000880 (PIBG Sek Menengah Meru).

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

## Selangor ruler: Suspend surau, mosque activities until May 31

**SHAH ALAM:** Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah has decreed that the suspension of Friday and congregational prayers and religious lectures at mosques, surau and *musollah* (prayer rooms) in the state be extended until May 31 to contain the spread of Covid-19.

The sultan's private secretary, Datuk Mohamad Munir Bani, said a new directive would be issued if the outbreak eased

before the date.

"The decision to extend the suspension was made during a special meeting between the Selangor Islamic Religious Council and Selangor Islamic Religious Department today (yesterday).

"Friday prayers must be replaced with *zohor* prayers (at home), while *tarawih* prayers during Ramadan should be performed at home."

He said Sultan Sharafuddin

expressed concern that the 6.5 million people residing in Selangor could expose themselves to Covid-19 if preventive measures were not taken seriously.

The ruler advised the people to stay at home, ensure good personal hygiene and practise social distancing, Munir said, adding that everyone must adhere to the Health Ministry's guidelines.

He said the sultan expressed regret that fake news on the Covid-19 outbreak were being spread, which had caused anxiety among the people.

"Sultan Sharafuddin called on the people to continue praying for the wellbeing of the people and the state."

He said the sultan conveyed Ramadan greetings and wished all Muslims a blessed fasting month. **Bernama**

14 Apr 2020

The Star, Malaysia

Author: No author available • Section: Metro • Audience : 175,986 • Page: 2  
